



Rujukan kami : BPSM-100-10/4/2 Jld.3 (5)  
Tarikh : 23 Julai 2021

YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor  
Semua Ketua Jabatan / Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan  
Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan  
Semua Datuk Bandar /  
Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Darul Ehsan  
Semua Ketua Jabatan Badan-Badan Berkanun dan Anak-Anak Syarikat  
Semua Setiausaha Bahagian / Timbalan Pengarah / Ketua Penolong  
Setiausaha/  
Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Tuan/Puan,

**ARAHAN PENGOPERASIAN PEJABAT KERAJAAN DI BAWAH  
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR MENGIKUT FASA  
PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Berdasarkan surat Ketua Setiausaha Negara bertarikh 21 Julai 2021 dan kenyataan media YAB Timbalan Perdana Menteri/Menteri Pertahanan bertarikh 19 Julai 2021 memaklumkan bahawa kadar peratusan kehadiran ke pejabat berdasarkan perkembangan positif kadar vaksinasi Negara.

3. Justeru, pengoperasian bagi semua jabatan/agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor adalah selaras dengan Pengoperasian Pejabat Kerajaan Mengikut Fasa Pelan Pemulihan Negara Fasa 1 iaitu **kehadiran adalah maksimum 40% bekerja di pejabat dan 60% bekerja dari rumah** tidak termasuk perkhidmatan *frontliners*, keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan. Ketua Jabatan perlu menentukan kehadiran pegawai yang diperlukan di pejabat dan semua Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM sentiasa dipatuhi.

4. Perkhidmatan kaunter beroperasi pada kadar 50% dan kehadiran pelanggan secara temujanji. Mesyuarat diadakan secara dalam talian melalui medium yang selamat dan terjamin kerahsiaan. Tiada perjumpaan atau aktiviti fizikal dibenarkan dan arahan ini berkuatkuasa **mulai 26 Julai 2021**.

**ARAHAN PENGOPERASIAN PEJABAT KERAJAAN DI BAWAH  
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR MENGIKUT FASA  
PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)**

---

5. Perhatian dan kerjasama pihak Tuan/Puan bagi menyempurnakan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“SELANGOR MAJU BERSAMA”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' NOR AZMIE DIRON)**